

04 JUN 1996

Annuar - JKKK

PEMIMPIN DESA PERLU DIBERI BIMBINGAN DAN KEMAHIRAN

JOHOR BAHRU, 4 Jun (Bernama) -- Pemimpin desa khususnya Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK) perlu diberi bimbingan dan kemahiran untuk merancang pelan induk pembangunan kampung bagi memastikan setiap program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa hari ini berkata setakat ini, JKKK hanya melaksanakan tugas dan peranan masing-masing berdasarkan kepada keupayaan yang terbatas.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas majlis perasmian Mesyuarat Penyelarasan Pembangunan antara Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Seluruh Malaysia di sini, beliau berkata pelan induk itu hendaklah mempunyai perspektif jangka pendek dan jangka panjang membabitkan pelbagai program seperti pembangunan industri kecil dan sederhana, masalah tanah terbiar, pembangunan kanak-kanak cemerlang, penderaan dan pembangunan infrastruktur.

"Apabila setiap kampung mempunyai pelan induknya sendiri, JKKK dengan mudah dapat membangunkan kampung itu sama ada menerusi program yang diatur dengan agensi kerajaan, swasta dan juga Pertubuhan Bukan Kerajaan," katanya.

Annuar juga meminta penduduk desa mengubah cara hidup lama daripada mengusahakan pertanian secara kecil-kecilan kepada pertanian komersil dan sektor pembuatan bagi mengatasi masalah tanah terbiar di negara ini.

"Kita perlu satu reformasi kegunaan tanah untuk menangani masalah itu kerana ia mempunyai pertalian dengan kampung mundur," kata beliau.

Sebagai contoh, di Seberang Perak, Perak, yang merupakan kawasan tanah terbiar yang diusahakan dengan tanaman padi secara komersil sejak empat tahun lepas telah membawa keuntungan kepada lebih 1,000 keluarga.

Projek pertama tanaman padi komersil itu berupaya mengeluarkan hasil tiga kali setahun. Tanah itu, sebelum ini diusahakan dengan tanaman padi dan kelapa sawit secara kecil-kecilan.

Sehubungan itu, Annuar berkata kementerian akan melancarkan pameran dan reformasi kegunaan tanah di Seberang Perak pada 4 Julai ini yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Langkah itu bertujuan untuk memperkenalkan kaedah itu kepada pemilik tanah terbiar supaya sedia mengubah cara lama kepada kaedah pertanian komersil, katanya.

Mengenai pendatang rakyat asing yang berkampung di kawasan pendalaman, beliau berkata JKKK bertanggungjawab memastikan keselamatan kampung termasuk melaporkan kehadiran rakyat asing kepada pihak berkuasa. --

BERNAMA

BH MAI